



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 10 SEPTEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM, PNBRI PERKUKUH SEKTOR AGROMAKANAN, EKONOMI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 30	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KERJASAMA PNB, KPKM PERKUKUH SEKTOR AGROMAKANAN, NIAGA, KOSMO, M/S – 30	
3.	KPKM, PNBRI BEKERJASAMA MODENKAN SEKTOR PERTANIAN, BISNES, BERITA HARIAN, M/S – 25	
4.	PENGILANG, LEBIH 200,000 PESAWAH PADI TEMPATAN TERANCAM?, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	LAIN-LAIN
5.	ANGGUR SUBUR DI KELANTAN HASIL INOVASI KOLEJ VOKASIONAL PASIR PUTEH, UTUSAN PELAJAR, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 17 & 18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

KPKM, PNBRI perkukuh sektor agromakanan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama PNB Research Institute Sdn. Bhd. (PNBRI) bagi memperkukuh penyelidikan dan analisis data dalam sektor agromakanan negara.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pemeteraian MoU itu mencerminkan komitmen kementerian dalam memodenkan sektor pertanian, sekali gus menandakan permulaan kerjasama rintis antara

KPKM dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

"Ini menunjukkan bahawa kerjasama antara negara amat penting. Sebagai contoh, Singapura kini menduduki tempat pertama dalam Indeks Keselamatan Makanan di Asia walaupun hampir tidak mempunyai hasil pertanian sendiri.

"Kejayaan tersebut dicapai melalui kerjasama erat dengan negara-negara lain," katanya semasa majlis pemeteraian MoU di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad

Sabu berkata, pemeteraian MoU ini akan membuka akses kepada data penting agromakanan negara daripada KPKM kepada PNBRI bagi tujuan analisis dan penyediaan pemahaman yang relevan mengenai sektor agromakanan di Malaysia.

"Penyelidikan dan analisis ini akan bermula dari tahun 2025 sehingga tahun 2027. Antara inisiatif penyelidikan akan meliputi fokus kepada perkongsian kepakaran penyelidikan sektor agromakanan negara termasuk pembangunan pendidikan dan

latihan teknikal serta vokasional (TVET) pertanian dan pementrian data Banci Pertanian 2024.

"Kerjasama ini juga selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang merupakan sebahagian daripada strategi KPKM untuk memperkukuh ekosistem penyelidikan dan inovasi dalam sektor agromakanan.

"Selain itu, ia menyokong agenda digitalisasi pertanian dan membuka peluang baharu serta membantu merangka hala tuju yang lebih kukuh untuk

masa depan pertanian di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kum-pulan PNB, Tan Sri Datuk Seri Raja Arshad Raja Tun Uda berkata, kerjasama strategik itu mencerminkan sokongan PNB terhadap agenda pembangunan negara seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13).

Menurut beliau, inisiatif berkenaan juga selaras dengan GEAR-up yang menyelaraskan usaha GLIC dalam merangsang pertumbuhan sektor ekonomi utama negara.


Kerjasama PNB, KPKM perkukuh sektor agromakanan

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan PNB Research Institute Sdn. Bhd. (PNBRI) untuk mewujudkan kerjasama strategik dalam memperkukuh penyelidikan sektor agromakanan negara.

Kerjasama itu membuka akses kepada data penting agromakanan negara daripada KPKM kepada PNBRI bagi tujuan analisis dan penyediaan pemahaman yang relevan mengenai sektor agromakanan.

Penyelidikan dan analisis berkenaan akan bermula dari 2025 sehingga 2027, dengan fokus kepada perkongsian kepakaran penyelidikan sektor agromakanan negara termasuk pembangunan pendidikan dan latihan teknikal serta vokasional (TVET) pertanian dan pemanfaatan data Banci Pertanian 2024.

Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda berkata, ketika sektor agromakanan menyumbang sebanyak RM45.5 bilion, atau 11 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar pada suku



RAJA ARSHAD (dua dari kanan) bersama Mohamad Sabu (dua dari kiri) pada majlis memeterai MoU di Kuala Lumpur semalam.

merangka dasar yang benar-benar berkesan, terletak pada keupayaan institusi penyelidikan kan dasar untuk mengakses data yang relevan, tepat, dan terkini.

"Kesediaan KPKM berkongsi data serta maklumat yang relevan amat penting dan besar maknanya kepada kami. Imbal baliknya, PNBRI akan memberi sepenuh komitmen untuk menjalankan penyelidikan yang mendalam dan berkualiti," katanya pada majlis di Menara Merdeka 118, di sini semalam.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menambah, pemeteraian MoU itu mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memodenkan sektor pertanian, sekali gus melakar era baharu bagi perkongsian awam dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan.

"Kami percaya bahawa kepakaran PNBRI dalam analisis data dan penyelidikan ekonomi dapat memperkukuh usaha Kerajaan untuk melonjakkan sektor agromakanan ke tahap yang lebih berdaya maju," katanya.

lidikan bagi memperkukuh daya saing pengeluaran makanan dan status keterjaminan makanan.

"Antara elemen penting dalam

curity Index, Malaysia berada di tangga ke-41 daripada 113 negara, dengan keperluan mendesak untuk kerjasama strategik penye-

pertama 2025, masih terdapat kekurangan dalam beberapa aspek keterjaminan makanan. "Berdasarkan Global Food Se-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2025	BERITA HARIAN	BISNES	25

KPKM, PNBRI bekerjasama modenkan sektor pertanian

Usaha sama pastikan industri agromakanan lebih mampan, berdaya saing

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan PNB Research Institute Sdn Bhd (PNBRI) untuk memodenkan sektor pertanian negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kerjasama itu melakar era baharu bagi perkongsian awam dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) demi pembangunan sektor pertanian dan agromakanan negara.

"MoU ini akan melonjakkan daya maju sektor agromakanan melalui kepakaran PNBRI dalam analisis data dan penyelidikan ekonomi.

"Kami percaya usaha ini dapat memperkukuh strategi kerajaan dalam memastikan sektor agromakanan lebih mampan dan berdaya saing," katanya berucap menyaksikan pemeteraian MoU KPKM-PNBRI di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis menandatangani MoU disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Seri Isham Ishak dan Ketua Pegawai Eksekutif PNBRI, Dr Sarena Che Omar.

Turut menyaksikan pemeteraian MoU ialah Pengerusi Kumpulan PNB, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Laporan Awal Indikator Keterjaminan Makanan 2025 oleh



Mohamad bersama Raja Arshad, Ishak dan Dr Sarena pada majlis pemeteraian MoU KPKM-PNBRI di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan sektor pertanian negara membabitkan 1.4 juta tenaga kerja serta menyumbang 7.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2023.

Kerjasama strategik KPKM dan PNBRI dilihat penting bagi memperkukuh penyelidikan dasar, sekali gus membantu mengenal pasti jurang bekalan, tahap kebergantungan import dan kemampuan pengeluaran domestik.

Usaha ini turut menyokong aspirasi Malaysia MADANI dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Melalui MoU itu, PNBRI akan memperoleh akses kepada data penting agromakanan negara daripada KPKM untuk tujuan analisis, yang akan dijalankan sepanjang 2025 hingga 2027.

Fokus kajian termasuk perkongsian kepakaran penyi-

dikan, pembangunan pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional (TVET) pertanian, selain memanfaatkan data Banci Pertanian 2024.

Perkukuh ekosistem inovasi

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kerjasama itu juga disifatkan sejajar dengan agenda digitalisasi pertanian serta usaha memperkukuh ekosistem inovasi.

"Langkah ini diyakini dapat membuka peluang baharu dan merangka hala tuju lebih kukuh untuk masa depan pertanian negara," katanya.

Raja Arshad pula berkata, kerjasama itu selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), khususnya dalam memperkukuh kesejahteraan rakyat dan merencanakan pertumbuhan ekonomi inklusif.

Katanya, inisiatif terbabit juga bertepatan dengan GEAR-up, iaitu

penyelarasan usaha antara GLIC bagi merangsang sektor ekonomi utama negara.

"Usaha kolaboratif ini akan memberi impak besar berdasarkan keperluan semasa, sekali gus membawa perubahan nyata kepada sosioekonomi negara," katanya.

PNBRI adalah anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB) yang ditubuhkan khusus untuk menjalankan penyelidikan strategik

Ia memberi tumpuan terhadap isu keterjaminan makanan dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan.

Sebagai institusi yang komited terhadap mandat memperkasa kekayaan Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, PNB menegaskan usaha PNBRI adalah sebahagian daripada misinya untuk mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat merentas generasi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Pengilang, lebih 200,000 pesawah padi tempatan terancam?

PEKAN: Ketidakseimbangan harga antara padi tempatan dan beras import kini menjadi ancaman serius terhadap kelangsungan industri padi negara, melibatkan lebih 200,000 pesawah dan ratusan pengilang berdepan risiko gulung tikar.

Pengilang padi tempatan mengakui golongan itu semakin terhimpit apabila terpaksa membeli padi daripada pesawah pada harga tinggi, sedangkan beras import yang siap diproses boleh diperolehi dengan kos jauh lebih rendah.

Penaung Syarikat Kilang Beras Melayu Jati, Mujahid Che Hamid yang merupakan syarikat pengilang padi dan pengedar beras berkata, kos pengeluaran padi tempatan ketika ini berjumlah sehingga RM3,000 satu metrik tan termasuk kos operasi.

Sedangkan katanya, harga beras import boleh dibeli pada harga RM2,600 satu metrik tan yang sudah bersih dan boleh terus dipek.

"Masalah ini berpunca daripada dasar import yang tidak dikawal rapi pihak berkenaan, membolehkan beras luar negara

membanjiri pasaran tempatan tanpa imbalan harga yang adil.

"Beras import yang dibawa masuk dalam bentuk siap proses bukan sahaja lebih murah, malah tidak melalui rantaian pengeluaran domestik, menyebabkan nilai ekonomi tempatan terpinggir.

"Sepatutnya beras import dikenakan harga lebih tinggi. Tetapi sekarang, ia jadi pilihan utama syarikat pemborong beras kerana murah dan mudah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Mujahid turut menyuarakan kebimbangan bahawa jika trend ini berterusan, banyak kilang padi akan tutup operasi dalam masa terdekat.

"Keadaan ini menyebabkan kilang tiada pilihan, sama ada menekan pesawah daripada segi pemutuan padi bagi mengimbangi semula kos pengeluaran atau tutup sahaja kilang. Dan sekiranya pesawah dikenakan pemutuan yang tinggi, petani akan mula hilang minat untuk menanam padi.

"Isu ini bukan sekadar soal harga tetapi soal keselamatan makanan negara," tegasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	UTUSAN PELAJAR	17



Anggur subur di Kelantan hasil inovasi Kolej Vokasional Pasir Puteh

Oleh TOREK SULONG
utusanpelajar@mediamulla.com.my

JIKA dahulu anggur hanya sinonim dengan negara beriklim sejuk, hari ini Kolej Vokasional Pasir Puteh (KVPP) membuktikan sebaliknya buah bernilai tinggi itu kini mula merimbun di bumi Kelantan hasil inovasi pertanian moden pelajar tempatan.

Menjadi satu-satunya institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di negeri ini yang menawarkan Program Agroindustri Tanaman, KVPP kini bukan sekadar melahirkan pelajar mahir,

“KVPP membuka minda kami. Kami belajar bukan hanya secara teori, tetapi juga amali di ladang.”

MUHAMMAD NAEIM MUKHLIES MOHD. NAZRI

malah turut menjadi perintis kepada teknologi penanaman anggur berskala ladang di tanah tropika, khususnya di kawasan tanah gambut seperti Gong Chokoh.

Selepas mencipta nama menerusi kejayaan penanaman melon berkualiti tinggi yang diberi jolokan 'Mr. Melon Kementerian Pendidikan', kini KVPP melangkah lebih jauh meneroka potensi tanaman anggur.

Dua varieti anggur iaitu Jupiter dan Muscat berjaya ditanam di kawasan bekas sawah yang berasaskan tanah gambut. Keadaan ini sememangnya mencabar memandangkan habitat asal pokok anggur memerlukan cuaca kering dan tanah yang sesuai.

Bersambung di muka 18



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/9/2025	UTUSAN MALAYSIA	UTUSAN PELAJAR	18

Anggur subur di Kelantan hasil inovasi Kolej Vokasional Pasir Puteh

Dari muka 17

Namun, berkat komitmen lebih 200 pelajar Program Agroindustri Tanaman kolej berkenaan sejak tahun 2022, usaha tersebut membuahkan hasil. Malah, tanaman anggur KVPP menunjukkan kadar kemanisan brik yang tinggi, setanding anggur import.

Pelajar program tersebut, Muhammad Naeim Mukhlies Mohd. Nazri, 17, berkata, pelbagai penyelidikan dan pembangunan (R&D) telah dijalankan termasuk kaedah membesarkan saiz buah, pemanisan buah serta pengurusan nutrisi tanaman.

"Pada mulanya saya tidak sangka pokok anggur yang berasal dari luar negara boleh ditanam di sini dan menghasilkan buah yang manis serta berkualiti.

"KVPP membuka minda kami. Kami belajar bukan hanya secara teori, tetapi juga amali di ladang," katanya ketika ditemui *Utusan Pelajar* di tapak kajian tanaman kolej itu.

KVPP turut menasaskan untuk menembusi pasaran eksport menerusi jenama Mr. Melon serta menghasilkan produk hiliran seperti jus, asam dan aiskrim berasaskan melon.

Sebanyak 14 rumah tanaman disediakan di KVPP, termasuk 10 untuk melon, satu untuk anggur, satu sistem NFT dan satu tanaman konvensional. Rumah hijau yang bersaiz 8.3 meter lebar dan 15.2 meter panjang ini turut menjadi tumpuan institusi luar yang datang untuk belajar dan membuat lawatan sambil belajar.

Seorang lagi pelajar, Qaff Aqyum Alif Azafar Jefrizin, 17, pula berkata, KVPP bukan sekadar pusat pembelajaran, malah menjadi medan mencungkil potensi pelajar dalam sektor pertanian moden.



BUAH anggur yang hampir matang hasil usaha dan inovasi pelajar Kolej Vokasional Pasir Puteh. - UTUSAN/TOREK SULONG



KAEDAH sungkupan menggunakan sabut kelapa dilakukan untuk mengekalkan kelembapan dan kesuburan media tanaman anggur.

"Tanaman melon dan anggur menjadi ikon kolej. Kami turut didedahkan dengan teknologi pertanian terkini dan berpeluang menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi," katanya.

Qaff menambah, kejayaan penanaman anggur ini menunjukkan bahawa varieti yang sesuai dan teknik pertanian moden mampu mengatasi cabaran cuaca tropika Malaysia," ujarnya.

Setakat ini, varieti anggur seperti Jupiter, IAC dan Isabella dikenal pasti sesuai untuk ditanam di Malaysia. Kaedah penanaman menggunakan keratan batang serta cantuman baji turut diajar sebagai langkah pencegahan terhadap penyakit seperti nematod dan phyloxera.

KVPP bukan sekadar



Kami turut didedahkan dengan teknologi pertanian terkini dan berpeluang menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi."

QAFF AQYUM ALIF AZAFAR JEFIRIZIN

mencipta kejayaan dalam pendidikan, tetapi meletakkan asas kukuh bagi masa depan pertanian negara menerusi pendidikan TVET yang praktikal dan inovatif.